

Dr Mahathir tidak tanding pilihan raya

BH 14 SEP 2002

Oleh Norbakti Alias, Johari Ibrahim dan Faiza Zainudin

ALOR STAR, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan meletakkan jawatan daripada politik dan kerajaan pada Oktober tahun depan, hari ini mengumumkan beliau tidak akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menegaskan, beliau akan terus menjalankan tanggungjawabnya untuk membetulkan pemikiran rakyat yang dipesongkan oleh Pas, agar tidak melakukan kesilapan memilih kerajaan.

“Walaupun saya tidak akan ber-

kerajaan dan parti selepas mesyuarat Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) di Kuala Lumpur Oktober tahun depan.

Dr Mahathir yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu sejak 1974 berkata, pilihan raya adalah proses penting untuk rakyat memilih wakil yang benar-benar boleh memberi perkhidmatan terbaik.

Sehubungan itu, katanya, rakyat perlu berhati-hati ketika memilih wakil kerana mereka akan menerima padah jika memilih parti yang

Kerajaan kecewa peniaga Melayu jual AP – Muka 2

tanding pada pilihan raya akan datang, menjadi tanggungjawab saya untuk membetulkan kesilapan, membetulkan pemikiran rakyat supaya tidak tertipu dan akan memilih Barisan Nasional (BN),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perhimpunan Bersama Rakyat di padang Kolej Sultan Abdul Hamid di sini, hari ini. Dr Mahathir adalah bekas pelajar kolej itu, manakala bapanya, Allahyarham Mohamad Iskandar menjadi pengetua pertamanya antara tahun 1908 hingga 1910.

Hadir sama, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob dan Penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman.

Pada Jun lalu, Perdana Menteri mengumumkan beliau akan melepaskan semua jawatannya dalam

tidak tahu mentadbir dan membahayakan negara.

“Keamanan Malaysia adalah kerana rakyat bijak memilih kerajaan yang baik dan patuh kepada undang-undang. Rakyat perlu sedar Umno sebenarnya berjuang untuk agama Islam seperti yang dibuktikan selama ini.

“Kita bukan saja negara Islam, tetapi menjadi contoh kepada dunia Islam. Jangan ragu kalau sesiapa pun berkata Malaysia tidak Islam kerana itu adalah dakwaan mereka dan merekalah akan menerima dosa fitnah yang dilempar oleh mereka,” katanya.

Beliau yang juga Presiden Umno berkata, Pas, walaupun mendakwa parti Islam melakukan penipuan apabila memindahkan pengundi bagi meraih kemenangan ketika pilihan raya.

LIHAT MUKA 2

Dr M dedah penipuan Pas

BH 14 SEP 2002

DARI MUKA 1

“Mereka menipu apabila memindahkan pengundi Pas dari kawasan yang mereka jangka kalah ke kawasan yang dijangka menang dan memindahkan nama pengundi BN keluar dari kawasan yang BN boleh menang,” katanya.

Dengan menjadikan keputusan pilihan raya kecil Anak Bukit baru-baru ini sebagai contoh, beliau berkata walaupun kemenangan Pas sah dari segi undang-undang, ia haram di sisi agama kerana ada unsur penipuan.

Bagaimanapun, katanya, Pas mungkin menganggap penipuan itu perkara kecil kerana ada pemimpinnya yang sanggup mendakwa Tuhan juga menipu.

“Adalah malang esete-

ngah pihak menggunakan sistem demokrasi untuk memburukkan Tuhan, menipu dan mengelirukan rakyat,” katanya.

Dr Mahathir menyifatkan tindakan pihak tertentu terutama Pas memindahkan pengundi kawasan lain ke sesuatu kawasan adalah menafikan hak pengundi sebenar kawasan pilihan raya itu.

Sementara itu, pada sidang akhbar selepas merasmikan kilang Asian Composites Manufacturing Sdn Bhd, di Bukit Kayu Hitam, petang ini, Dr Mahathir menjelaskan hasratnya bersara sepenuhnya.

“Itulah hasrat saya (untuk bersara) kecuali jika saya dipaksa...tetapi saya mahu bersara sepenuhnya dan tidak terbabit dengan

apa-apa selepas bersara,” katanya.

Ditanya sama ada beliau sudah memaklumkan perkara itu kepada Majlis Tertinggi Umno, beliau berkata:

“Tidak. Tetapi saya fikir mereka tahu hasrat saya untuk bersara suatu masa kelak. Saya tidak boleh berkhidmat selama-lamanya.”

Dr Mahathir juga menafikan andaian beliau bertanggungjawab menyatukan Umno Kedah.

Sebaliknya, katanya Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang berbuat demikian.

Beliau juga menolak andaian bahawa Pas semakin berpengaruh di Kedah.

“Saya tidak fikir begitu. Mereka menang sebab mereka menipu. Terlalu ramai

orang luar dibawa ke kawasan pilihan raya dan mereka mengeluarkan 2,000 ahlinya daripada kawasan saya...sebab itu mereka menang,” katanya.

Mengenai keyakinannya kepada Umno Kedah jika beliau tidak lagi bertanding, Dr Mahathir berkata, rakyat masih terus menyokong Umno seperti terbukti dengan kehadiran mereka pada majlis di Alor Star.

Mengenai sumbangannya dalam pilihan raya umum akan datang, Perdana Menteri berkata, beliau akan berkempen untuk BN ke seluruh negara.

“Saya akan berkempen bersungguh-sungguh ke seluruh negara. Masa itu saya tidak ada kerja, jadi saya akan berkempen,” katanya berseloroh.